

UCAPAN PERDANA MENTERI DAN YANG DIPERTUA UMNO MALAYSIA DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO MALAYSIA DI HOTEL MERLIN, KUALA LUMPUR PADA 23HB JANUARI, 1971

Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi, Saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwata'ala dengan kerana hidayah dan keizinanNya kita sekalian dapat berhimpun di sini bagi menjalankan kewajipan kita dan menunaikan tugas-tugas kita demi kepentingan Parti kita, bangsa dan Negara.

Sesungguhnya Perhimpunan Agung kita kali ini menipakan satu peristiwa yang amat penting berikutan dengan pembekuan kegiatan-kegiatan berpolitik dalam negara setelah kejadian 13hb Mei dahulu. Kehadiran kita sekalian di sini pada pagi ini juga membuktikan kejayaan kita menjaga keutuhan Parti UMNO dan kesediaan kita menyambung perjuangannya di atas landasan yang telah dibina dengan kukuh dua puluh lima tahun yang lalu.

Tahun ini kita memasuki babak baru dalam perjalanan sejarah Parti dan negara. Sebulan dari hari ini, pada 22hb Februari, kita akan kembali semula ke dalam bidang demokrasi berparlimen setelah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung merasmikan pembukaan sidang baru Parlimen. Sekali gus dengan itu Majlis Gerakan Negara yang telah menjalankan pentadbiran negara sejak kejadian 13 Mei dulu akan bubar dan semua kekuasaan akan terpulang semula kepada Jemaah Menteri yang hanya bertanggungjawab kepada Parlimen.

Dengan pemulihan semula Parlimen serta Dewan-dewan Undangan Negeri bolehlah kita berbangga kepada dunia umum atas kejujuran dan kesanggupan kita menjunjung tinggi konsep demokrasi berparlimen dan ketegasan kita mengamalkannya. Tiada siapa, baik anasir-anasir di dalam negeri mahupun yang di luar negeri, boleh sewenang-wenang menuduh Kerajaan kita, menuduh UMNO dan Parti Perikatan hendak mengekalkan pentadbiran kekuasaan dictatorship menerusi M A G E R A N. Semua tohmah dan fitnah mereka itu tidak benar dengan sendirinya menjadi abu dan angin saja.

Saudara-saudara: Baru sebentar tadi kita semua telah mendengar amanat terakhir dari pemimpin yang kita kasehi, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, sebagai Yang di-Pertua UMNO. Kita semua dan sesungguhnya UMNO amat bertuah mendapat pemimpin dan bimbingan yang bijaksana dari Y.T.M. Tunku itu sejak beliau mengambil alih teraju pimpinan UMNO dua puluh tahun lalu. Dalam tempuh itu pulalah kita melihat perkembangan-perkembangan dan kemajuan-kemajuan yang pesat di medan perjuangan perlembagaan yang sebahagian besarnya dipelopori oleh UMNO, yang menghasilkan kemenangan besar membawa kemerdekaan pada tahun 1957.

Sepertimana telah saya katakan pada Perhimpunan 22hb September dulu, kita sama-sama bersedih atas keputusan Y.T.M. Tunku meletakkan jawatan beliau sebagai Perdana Menteri. Hari ini kita turut berdukacita atas persaraan beliau dari pucuk pimpinan UMNO. Perpisahan beliau dari tengah-tengah kita semua, merupakan satu detik sejarah pula kerana dengannya bermakna permulaan satu phase baru, satu lembaran baru, dalam sejarah perjuangan UMNO.

Tidak sesiapa yang boleh menafikan bahawa di bawah pimpinan Y.T.M. Tunku, UMNO telah dibentuk dan disusun menjadi parti politik yang terkuat sekali di negara kita. Di bawah arahan beliau pulalah ahli-ahli Parti dengan tidak mengira penat lelah bergerak terus menjalankan tugas dan kewajipan masing-masing membangunkan perasaan kesedaran dan semangat kebangsaan rakyat, mencetuskan keinginan hendak berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa lain yang merdeka dan berdaulat. Ingatan kita masih segar tentang peristiwa UMNO mengadakan perarakan-perarakan dan tunjuk-tunjuk perasaan mendesak supaya Kerajaan British menyerahkan kekuasaan kepada rakyat negeri. Sejarah telah mengabadikan hakikat bahawa rakyat yang bersatu di bawah pimpinan Y.T.M. Tunku dan panji-panji UMNO serta rakan-rakan seperjuangannya berjaya merebut kemerdekaan tanpa pertumpahan darah atau kekerasan.

Saudara-saudara: Sebagaimana yang sama-sama kita maklum, sejak dari beberapa lama dahulu lagi, Y.T.M. Tunku telah menamakan saya sebagai ganti beliau untuk menyandang jawatan Perdana Menteri. Ini telah menjadi kenyataan apabila beliau mengundurkan diri pada 22 September. Dan pada hari ini pula

beliau memberikan saya kehormatan yang tidak ternilai menggantikan beliau sebagai Yang di-Pertua UMNO yang baru. Saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Y.T.M. Tunku di atas kepercayaannya terhadap diri saya dan kepada saudara-saudara di atas taat setia dan juga kepercayaan kepada diri saya.

Bagaimanapun, janganlah pula diertikan bahawa pimpinan baru UMNO yang saya ketuai sekarang ini merupakan satu titik pemisahan dalam perjalanan Parti kita. Perubahan yang berlaku hanyalah pada pucuk pimpinan dan bukan pada tubuh badan UMNO. Sudah sewajarnya bagi semua kejadian Tuhan mengalami perubahan. Oleh demikian, apa yang kita alami sekarang ialah pimpinan yang baru sedangkan pada hakikatnya UMNO masih merupakan pertubuhan yang sama, iaitu organisasi yang bersama-sama kita sambut kelahirannya dua puluh lima tahun dahulu dan bersama-sama pula kita bimbing dan pelihara hingga mencapai kedewasaannya sekarang ini.

Oleh itu, dengan terserahnya teraju pimpinan Parti kepada saya adalah berupa penyambungan dalam perjalanan hidup pertubuhan ini yang telah melalui liku-liku zaman, melihat berbagai rupa peristiwa serta mengalami detik-detik suka dan duka. Inilah kali kedua dalam sejarah pertubuhan UMNO kita mengalami peralihan pucuk pimpinannya. Pertama kali dalam tahun 1951 semasa Y.T.M. Tunku mengambil alih pimpinan dari Allahyarham Datuk Onn dan pada hari ini kenalah giliran saya pula memikul bebanan dan tanggungjawab memimpinnya.

Kita bersyukur kepada Allah yang memberikan taufik dan hidayahNya kepada kedua-dua pemimpin kita yang terdahulu itu, yang telah banyak sekali berjasa bukan saja kepada Parti kita, bahkan dengan berkat pimpinan mereka itulah bangsa dan negara kita mencapai darjat dan mertabat yang tinggi hari ini.

Saudara-saudara: Tidak syak lagi tahun-tahun tujuh puluhan dan tahun-tahun akan datang ini membawa masalah-masalah baru dan dugaan-dugaan penting kepada negara kita. Oleh demikian, sudah sewajarnya pulalah Parti kita UMNO memperkmaskan diri dan bersedia menghadapi cabaran-cabaran masa depan itu. Sayugia kita ingat masalah-masalah dan cabaran-cabaran yang berbagai rupa dan kompleks itu menghendaki pemikiran baru yang segar supaya kita dapat menghadapi dan menghuraikannya untuk munafaat dan kebaikan rakyat umum. Oleh itu kita harus sentiasa bersedia mengambil approach yang

sesuai serta sikap yang tegas menentukan strategi bagi menghuraikan segala masalah dan persoalan yang bakal kita hadapi itu sambil mendorong Parti ke arah kemajuan setiap masa. Bahkan adalah mustahak bagi setiap kita mempunyai pandangan yang luas dan outlook yang baru asal saja tidak mcnyelewang dari dasar landasan Parti.

Pada pendapat saya dalam menghadapi cabaran-cabaran hari depan yang berbagai corak ini kita memerlukan strategi yang kemas dan juga bersedia menukar corak parti UMNO ini. Begitu pula kalau keadaan menghendaki kita perlu menukar atau pun menyesuaikan dasar pemerintahan supaya kita dapat memenuhi hasrat rakyat menuju matlamat negara makmur dan bahagia yang dicita-citakan itu.

Sepertimana saya katakan pada Perhimpunan kita 22 September lalu, saya suka mengulangi lagi iaitu punca kekuatan dan keteguhan Kerajaan kita adalah terletak pada Parti kita. Oleh demikian, terserahlah pada kita semua ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin UMNO tanggungjawab menentukan garis-garis panduan untuk menyelaraskan dasar Parti dengan Kerajaan supaya memenuhi hasrat rakyat yang berkehendakan perubahan-perubahan dan kemajuan-kemajuan.

PERAYAAN ULANG TAHUN KE DUA PULUH LIMA

Saudara-saudara: Tidak berapa lama lagi, tegasnya pada 11hb Mei akan datang ini, UMNO akan merayakan Ulang Tahunannya yang ke-25. Untuk menghormati hari yang bersejarah itu, saya bercadang hendak mengadakan satu Perhimpunan Agung Khas di mana kita akan membincangkan hal ehwal Parti pada keseluruhannya. Saya harap cadangan Majlis Kerja Tertinggi hendak meminda perkembangan seperti yang dibentang dalam Persidangan ini dapat dibincang dan saya sendiri antara lain hendak mengemukakan beberapa perkara yang bertujuan untuk memperbaiki perjalanan Parti serta melicinkan kerja-kerjanya. Tidak siapa yang menyangkal bahawa UMNO sebagai Parti terbesar adalah tulang belakang Perikatan. Dengan kedudukan UMNO yang penting dalam Perikatan maka kita telah dapat membenluk sebuah pertubuhan politik yang mewakili golongan terbesar rakyat dan mempunyai penuh kekuatan serta kebolehan untuk mentadbirkan negara ini. Saya rasa tidak ada Parti yang lain, baik secara bersendirian mahupun kalau mereka bergabung—jika ini boleh—yang dapat menyaingi Parti Perikatan ataupun

menggantikannya. Ini adalah hakikat yang nyata, akan tetapi dalam pada itu kita mestilah sentiasa menjaga perjalanan Parti dan terus membaiki jenteranya sesuai dengan kehendak-kehendak masa.

Tempuh dua puluh lima tahun usia UMNO sudah barang tentu merupakan satu batu tanda sejarah yang penting. Bersempena dengan tarikh itu patutlah kita fikirkan bersama langkah-langkah mustahak menyemak Perlembagaan pertubuhan ini untuk membuat pindaan-pindaan yang diperlukan setelah mengkaji dengan teliti tuntutan-tuntutan baru yang timbul dan keutamaan-keutamaan bagi memperkemaskan perjalanannya dalam menghadapi cabaran-cabaran masa depan.

Seperti yang saya katakan tadi, hanya Perikatan sajalah yang mempunyai kemampuan dan kebolehan mentadbirkan negara kita, kalau kita inginkan keamanan dan kemakmuran seperti yang ada sekarang ini. Sebagai Parti yang berteraskan bumiputra, maka di atas bahu kitalah terletak tanggungjawab yang maha besar dan maha berat, menentukan nasib dan hari depan negara. Kita hendaklah mengambil inisiatif dalam semua bidang, terutama dalam usaha membentuk negara dan bangsa Malaysia yang benar-benar bersatu padu. Baik pada peringkat paling bawah mahupun pada peringkat yang paling tinggi, UMNO seharusnya memelopori usaha-usaha yang bersangkutan dengan kebajikan dan kepentingan rakyat dalam semua lapangan. Hanya dengan demikian, barulah rakyat dapat merasakan betapa mustahaknya UMNO dalam kehidupan mereka sehari-hari dan menerima pimpinan serta bimbingan kita.

Untuk menunaikan tanggungjawab kita itu, adalah mustahak sekali UMNO mempunyai disiplin atau tata tertib yang teguh di kalangan ahli-ahlinya pada semua peringkat. Tanpa disiplin yang teguh sudah tentu tidak akan terjamin kekuatan yang diperlukan bagi sebuah pertubuhan politik. Disiplin yang kukuh dan peraturan-peraturan yang tersusun baik akan menjaga lancarnya pentadbiran Parti dan mengelakkan kerumitan-kerumitan yang menghalang atau merosakkan jentera pentadbiran Parti. Dan yang paling mustahak ialah setiap anggota UMNO hendaklah patuhi pada disiplin Parti kita.

Saya ingin melihat keadaan yang lebih licin dan teratur dalam pertubuhan UMNO berlandaskan Perlembagaan yang telah kita

persetujuan bersama. Pentadbiran hendaklah sentiasa kemas dan jentera Parti mestilah berjalan terus setiap masa. Mesyuarat-mesyuarat hendaklah diadakan secara tetap dan pada masa yang ditentukan. Ini sangat-sangatlah mustahak kerana di sinilah baru dapat kita mengukur kesanggupan pemimpin-pemimpin parti dan rasa tanggungjawab mereka kepada UMNO. Saya hendak menetapkan disini iaitu mulai dari sekarang mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Cawangan hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan, sementara mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Bahagian hendaklah diadakan dua bulan sekali. Majlis Kerja Tertinggi akan mengadakan mesyuarat tiap-tiap dua bulan sekali sekurang-kurangnya. Saya harap saudara-saudara akan bertindak melaksanakan arahan ini.

Saya mengambil peluang ini juga untuk merakamkan rasa terima kasih kepada saudara-saudara sekalian atas taat setia yang tidak berbelah bagi dan sokongan saudara-saudara terhadap UMNO di masa sudah-sudah. Berkat taat setia saudara-saudara dan kesediaan saudara menjalankan arahan-arahan Parti, UMNO dan seterusnya Perikatan dapat kekal memegang pimpinan dan kekuasaan mentadbirkan negara. Saya yakin selagi setiap ahli Parti kita tetap patuh pada dasar perjuangan Parti dan mempunyai tekad serta keazaman meneruskan perjuangan kita, negara akan tetap dalam keadaan terkawal dan sentiasa bergerak mencapai kejayaan-kejayaan baru.

Sekali lagi saya berharap setiap Cawangan dan Bahagian dan setiap ahli UMNO termasuk Kaum Ibu dan Pemuda hendaklah membaharui azam masing-masing untuk meneruskan perjuangan suci menuju matlamal yang dicita-cita itu.

PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN DAN PERPADUAN NEGARA

Saudara-saudara: Sebagaimana yang seringkali saya sebutkan, negara kita tidak boleh mengalami lagi sekali peristiwa 13 Mei. Biarlah peristiwa yang telah berlalu itu termaktub dalam sejarah negara menjadi lambang kenyataan yang membawa pengajaran-pengajaran penting untuk semua. Antara lain-lain peristiwa ini menekankan betapa mustahaknya kita memahami sejarah politik dan Perlembagaan, dan juga pentingnya menginsafi perasaan-perasaan perkauman jika pergaduhan kaum yang mungkin lebih

dahsyat hendak dielakkan pada masa depan. Trajidi ini juga membuktikan bahawa kebebasan bercakap dan lain-lain yang dijunjung tinggi dalam sistem demokrasi kita telah disalah gunakan oleh anasir-anasir dan golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab. Penyelesaian masalah ini hendaklah merupakan jaminan iaitu pada masa-masa hadapan persoalan-persoalan yang sensitif ini tidak akan dicabar lagi oleh proses demokrasi.

Satu langkah untuk menyelesaikan masalah ini yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan ialah meminda beberapa peruntukan di dalam Perlembagaan negara kita. Saya percaya saudara-saudara sekalian telahpun membaca Kertas Putih berkenaan dengan pindaan-pindaan itu yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan pada 20hb Januari ini. Tujuan Kertas Putih ini sebagaimana ternyata di dalamnya ialah untuk menerangkan kepada orang ramai perkara-perkara yang akan dipinda dan sebab-sebab Kerajaan mengambil keputusan meminda peruntukan-peruntukan yang berkenaan itu.

Perkara yang akan dipinda itu ialah Artikul 10 berkenaan dengan Kebebasan Bercakap dan Berfikir; Artikul 63 dan 72 berkenaan dengan keistimewaan ahli-ahli Parlimen dan ahli Dewan-dewan Undangan Negeri; Artikul 152 berkenaan dengan kedudukan Bahasa Malaysia; Artikul 153 berkenaan dengan Hak-hak Istimewa Orang-orang Melayu; dan juga Artikul 159 berkenaan dengan persetujuan-persetujuan yang telah dibuat untuk membolehkan kita mencapai kemerdekaan.

Pindaan-pindaan ini difikirkan sangat perlu untuk mengelakkan berulang lagi peristiwa 13hb Mei. Kerajaan serta juga Majlis Perundingan Negara telah mengkaji dengan seberapa telitinya dan telah mengambil keputusan bahawa inilah jalan keluar yang sehabis-habis baik untuk mengekalkan perpaduan negara dan juga menjamin masa depan. Malaysia. Saya tidaklah bercadang hendak menerangkan dengan lebih lanjut sebab-sebab Kerajaan membuat keputusan ini kerana Kertas Putih itu sendiri telahpun menjelaskannya.

Saya hendak menegaskan sekali lagi bahawa pindaan-pindaan ini sangatlah diperlukan demi kepentingan negara dan saya berkehendakkan sokongan tegas dari saudara-saudara sekalian dengan sepenuhnya di dalam hal ini. Saya harap saudara-saudara sedar dan faham sepenuhnya tujuan-tujuan kita meminda Per-

lembagaan itu. Oleh demikian saya percaya saudara-saudara sekalian akan memberi kepada Kerajaan kita sepenuh-penuh sokongan saudara demi kepentingan kewujudan negara kita. Hanya dengan jalan ini sahajalah kita dapat menjaminkan masa depan sistem Kerajaan yang demokrasi dan menyatu-padukan negara kita.

Saudara-saudara: Selain daripada pindaan-pindaan ini, pada tahun lalu Kerajaan telah juga mengistiharkan Rukun Negara di dalam mana dimaktubkan tata susila-tata susila dan tanggungjawab-tanggungjawab yang harus diamalkan oleh setiap warga negara Malaysia. Rukun Negara ini sebagaimana kerap-kali saya sebutkan adalah bertujuan untuk mendidik warga negara kita menjadi rakyat yang lebih bertanggungjawab dan benar-benar berjiwa Malaysia.

Saya percaya selepas Trajidi 13hb Mei dulu, sikap kebanyakan daripada rakyat telah berubah dan saya yakin mereka akan membuka mata bukan sahaja bagi memahami Perlembagaan negara kita tetapi juga mengamalkan kelima-lima prinsip Rukun Negara. Saya juga berharap mereka memahami dan menerima sebab-sebab mengapa Perlembagaan itu dipinda.

Hanya dengan memahami sepenuhnya "Kitab Negara" ini dan mengamalkan pertunjuk-pertunjuknya baharulah wujud sikap tanggungjawab di kalangan rakyat dan selepas itu akan tumbuh perasaan kebangsaan dan keperibadian kebangsaan sendiri. Hanya setelah wujud cita-cita kebangsaan dan keperibadian kebangsaan ini barulah amalan demokrasi yang sihat di negara kita dapat berjalan terus tanpa sekatan dan gangguan. Dalam keadaan itu kita tidak lagi mcnghendaki kawalan-kawalan atau safe-guard yang tujuannya ialah semata-mata menjamin kehidupan secara demokratik ini berakar umbi dalam masyarakat kita yang berbilang bangsa. Apabila ini tercapai dapatlah kita katakan perpaduan bangsa benar-benar wujud di negara ini.

Dengan harapan itulah saya telah memberi arahan supaya Majlis Muhibbah Negara menjalankan segala ikhtiar untuk menyemaikan benih-benih muhibbah, memahami Perlembagaan dan mengamalkan Rukun Negara di kalangan rakyat jelata, terutama sekali di sisi kanak-kanak sekolah dan belia-belia kita. Saya berharap ikhtiar ini mendapat sambutan demi kepentingan

negara, perpaduan kaum dan kesejahteraan rakyat sekalian. Di samping itu saya juga ingin menggesa pemimpin-pemimpin dan pertubuhan-pertubuhan masyarakat di seluruh negara supaya mencari inisiatif sendiri untuk memupuk perasaan muhibbah dan mengembangkan rasa persefahaman di kalangan rakyat jelata kerana hanya menerusi muhibbah dan persefahaman barulah dapat kita mewujudkan perpaduan negara dan menjamin masa depan Malaysia.

DASAR EKONOMI BARU

Sebagaimana yang saya katakan dahulu, Kerajaan Perikatan yang baharu yang saya pimpin berazam hendak membawa kemakmuran, keamanan, perasaan muhibbah dan perpaduan yang berkekalan kepada negara kita yang dikasihi dan khasnya kepada mereka yang tidak berada.

Tidak lama dahulu, saya telahpun mengistiharkan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk memperbaiki kedudukan ekonomi negara yang tidak seimbang. Kerajaan telahpun melaksanakan beberapa rancangan baharu bagi memperhebatkan lagi pembangunan pertanian dan perusahaan di samping memberi peluang yang lebih besar dan berkesan kepada mereka yang tidak mendapat peluang dalam bidang perindustrian dan perusahaan. Kesimpulannya, Dasar Ekonomi Baru ini yang akan dilancarkan dengan resminya di bawah Rancangan Malaysia Kedua dalam sedikit masa lagi mempunyai dua matlamat utama. Yang pertama ialah hendak membasmi kemiskinan tanpa mengira bangsa dan keduanya untuk mencapai perpaduan negara dengan mengimbangkan kedudukan ekonomi negara.

Saya sukacita mengumumkan bahawa Kerajaan telahpun merangka strategi-strategi yang realistik untuk mencapai kedua-dua matlamat ini. Pertama, mengadakan rancangan-rancangan untuk membasmi kemiskinan di kalangan rakyat jelata yang tidak berada, baik di luar bandar mahupun di dalam bandar. Kedua, meninggikan kadar pertumbuhan ekonomi (economic growth) dengan cara memperhebatkan lagi rancangan pembangunan pertanian dan perusahaan termasuklah penyertaan Kerajaan dalam rancangan-rancangan pembangunan ini. Ketiga, mewujudkan satu golongan pengusaha dan pedagang di kalangan orang-orang Melayu pada semua lapisan dan keempat re-structuring

atau menyusun semula masyarakat Melayu di luar bandar yang semata-mata bergantung kepada pertanian dan mengubahnya menjadi masyarakat moden yang berlandaskan pertanian dan juga perusahaan dan perdagangan.

Dalam hubungan ini saya sudahpun menyatakan keputusan Kerajaan hendak menggalakkan perusahaan-perusahaan di bandar-bandar dalam kawasan luar bandar. Kerajaan pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri akan mengambil bahagian dalam perusahaan-perusahaan baru ini samada secara sendirian ataupun secara joint venture dengan pihak swasta. Potential untuk perusahaan-perusahaan baru di bandar-bandar kawasan luar bandar amatlah baik terutama agro-based industries yang berlandaskan kayu kayan dan bahan-bahan makanan.

Rancangan pembangunan pertanian akan dilaksanakan dengan pesat. Selain dari Rancangan Tiga Segi Jengka yang sedang berjalan sekarang, Kerajaan sedang membuat kajian atau feasibility study bagi kawasan Pahang Tenggara dan Johor yang melibatkan hampir-hampir dua juta ekar.

Saudara-saudara: Sebagaimana yang kita ketahui, masalah kemiskinan yang masih terdapat di negara kita ini bukanlah hanya satu masalah ekonomi sahaja, bahkan adalah juga satu masalah politik dan masalah kebudayaan yang melibatkan perasaan atau emosi. Masalah kemiskinan ini, jika dibiarkan berterusan, sudah tentu akan membahayakan ketenteraman negara. Oleh sebab itulah Kerajaan berazam hendak menyelesaikan masalah ini dengan seberapa segera.

Rancangan-rancangan untuk menyelesaikan masalah kemiskinan telah juga disiapkan dan rancangan-rancangan ini meliputi bidang perdagangan dan pembangunan luar bandar dengan cara besar-besaran. Rancangan Pembangunan Malaysia Kedua dan rancangan-rancangan seterusnya akan lebih menitikberatkan projek-projek yang bertujuan meninggikan pendapatan golongan rendah dan meluaskan peluang-peluang bekerja bagi kaum belia dalam semua lapangan. Kejayaan projek-projek ini dengan sendirinya akan mengubah cara dan corak kehidupan masyarakat luar bandar menjadi masyarakat moden dan maju yang sanggup menerima unsur-unsur kemajuan teknologi seperti masyarakat di-negara-negara yang sudah maju. Perubahan ini bukan sahaja meluaskan peluang bekerja dan meninggikan pendapatan mereka

tetapi juga menjadi jaminan utama untuk menjayakan rancangan-rancangan perusahaan moden di negara kita. Hasil dari pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini bermakna lebih ramai lagi orang-orang Melayu akan mengambil bahagian dalam lapangan perdagangan dan perusahaan. Dengan demikian, dapatlah kita mengatasi keadaan sekarang di mana hanya segelintir sahaja orang-orang Melayu menjadi pengusaha-pengusaha ataupun dilantik sebagai pengarah-pengarah dan executives dalam lapangan perusahaan. Bahkan adalah tujuan utama kita mengadakan dan menambahkan bilangan pengusaha-pengusaha dan pemilik-pemilik industri dan perniagaan yang besar dan yang kecil.

Kerajaan sedar bahawa perpaduan negara tidak akan wujud sekiranya kedudukan ekonomi yang tidak seimbang di kalangan rakyat berbagai kaum tidak diatasi dan kemajuan serta kemakmuran negara tidak dinikmati dengan lebih adil dan saksama. Dari itu, perlulah bagi Kerajaan menjalankan rancangan-rancangan yang telah disusun supaya matlamat merapatkan jurang perbezaan di antara golongan yang berada dan tidak berada dapat dicapai dengan seberapa segera. Tetapi saya suka menegaskan di sini bahawa dalam melaksanakan dasar ini kita akan bersifat adil kepada semua pihak. Kita tidak sekali hendak mengambil atau merampas hak-hak yang ada pada orang-orang yang bukan Melayu. Sebaliknya kita berharap dan percaya yang mereka itu akan memberi kerjasama untuk menjalankan dasar bagi mengujudkan perpaduan penduduk-penduduk daripada berbagai kaum dan menjamin keselamatan dan keutuhan negara kita.

Kedua-dua objektif Dasar Ekonomi Baru kita mestilah dijalankan dengan serentak kerana kedua-dua ini merupakan tiang yang kukuh bagi kita membina di atasnya masyarakat dan negara Malaysia yang kita ingin.

PELAJARAN

Sebagaimana yang sama-sama kita maklum bagi bangsa yang membangun seperti kita ini, pelajaran adalah salah satu usaha pelaburan atau investment yang amat penting untuk menjamin ketahanan negara. Dasar pelajaran negara adalah menjadi ukuran bagi kesediaan kita serta kemampuan kita untuk cabaran hari depan. Dalam melaksanakan dasar pelajaran negara, tidaklah

harus kita abaikan mustahaknya menjaga supaya standard pendidikan yang diberikan kepada anak-anak kita adalah sesuai dan seimbang dengan tuntutan hendak melengkapkan mereka sebagai tenaga tulang belakang negara di masa akan datang.

Dalam bidang pendidikan ini, kita telah mengalami perkembangan-perkembangan yang menghendaki perhatian dan penyesuaian dalam rancangan pendidikan negara. Ilmu pengetahuan terutama dalam setengah-setengah bidang mengalami perkembangan yang hebat di zaman yang penuh dengan kemajuan sains dan teknologi ini. Oleh yang demikian, semakin segera kita memerlukan tenaga-tenaga kemahiran supaya masyarakat kita boleh mendekati, kalau pun tidak, mencapai seluruhnya, kemajuan masyarakat-masyarakat teknologi yang lain.

Bagi memenuhi keperluan dan tuntutan-tuntutan menjamin perkembangan ekonomi, sosial dan politik, kita hendaklah memberi kemudahan-kemudahan yang lebih luas dalam semua bidang, terutama vocational dan technical. Dasar pelajaran kebangsaan yang telah kita tetapkan dan dipersetujui oleh semua pihak itu pasti akan dilaksanakan dengan tegas. Kerajaan berazam akan melaksanakan dasar yang telah dimaktubkan mengenai pendidikan dalam Bahasa Malaysia dan usaha-usaha kita hendak menjadikan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi dengan erti kata yang sebenar. Di dalam lapangan pelajaran, matlamat kita yang utama ialah memberikan kedudukan yang wajar kepada bahasa rasmi kita dengan mengekalkan nilai serta standard pelajaran supaya kanak-kanak kita dan jenerasi-jenerasi akan datang dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang mustahak dalam zaman teknologi moden ini.

Bagi memenuhi kehendak-kehendak pendidikan kebangsaan seluruhnya, kita akan berbuat segala apa yang difikirkan perlu bukan hanya dari segi meninggikan standard mata pelajaran yang penting pada setiap peringkat persekolahan bahkan kita akan menentukan pula supaya pada tingkatan post-secondary dan universiti anak-anak Melayu dijamin mendapat peluang yang lebih banyak dari masa-masa lalu supaya kedudukan yang tidak seimbang sekarang ini dapat diperbaiki. Rancangan-rancangan ini adalah terkandung dalam pindaan Perlembagaan yang telah diterangkan dalam Kertas Putih yang saya sebutkan tadi.

DASAR LUAR NEGERI

Saudara-saudara: Sebagaimana yang sama-sama dimaklum, dalam perhubungan kita dengan negara-negara luar, kita mestilah menunjukkan sikap yang bebas, sikap sealiran dengan masa dan keadaan, sambil menjaga kepentingan kita sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Sejak kita mencapai kemerdekaan, kita telah dapat memberi nama yang harum dan tempat yang sempurna untuk negara kita di sisi bangsa-bangsa di dunia. Sekarang kita telah merdeka selama hampir empat belas tahun; sampailah masa bagi kita menunjukkan identity atau keperibadian kita sebagai negara berkecuali atau non-aligned yang sanggup berdiri atas kaki sendiri serta yakin pada kebolehan kita menjunjung kedaulatan dan memelihara kemerdekaan dan keselamatan negara kita. Dalam hal ini, kita berpegang teguh atas dasar bersahabat dengan semua negara yang suka bersahabat dan bekerjasama dengan semua negara yang suka bekerjasama, tidak kira corak hidup atau sistem politik mereka. Dasar bersahabat dan bekerjasama ini adalah penting pada segi menjaga keselamatan dari ancaman atau pencerobohan kuasa luar. Bahkan adalah juga penting pada segi perdagangan oleh kerana negara kita banyak mengeluarkan hasil pertanian dan perusahaan dan dari itu memerlukan pasaran yang lebih luas untuk barang-barang pengeluaran tersebut seperti getah, kelapa sawit, nenas dan lain-lain lagi.

Dalam context ini, kita menegaskan juga mustahaknya dasar tidak campur tangan dalam hal-hal dalam negeri negara-negara lain. Ini adalah sesuai dengan principle of peaceful co-existence serta saling menghormati kebebasan dan kedaulatan negara masing-masing. Dengan berlandaskan dasar ini maka kita telah berusaha dan berjaya meluaskan persahabatan kita dengan negara-negara yang lain terutama sekali negara-negara yang kecil dan sederhana besarnya.

Meskipun Malaysia adalah sebuah negara kecil, kita turut mempelopori usaha-usaha mengembangkan rancangan kerjasama antara negara-negara serantau dan berjiran, yang mempunyai masalah-masalah yang serupa dan kepentingan-kepentingan yang sama. Hasil dari usaha-usaha ini, kita telah berjaya membentuk A S A yang kemudiannya berkembang menjadi A S E A N. Saya penuh yakin A S E A N akan berjaya mencapai matlamatnya untuk menaikkan taraf ekonomi dan kemakmuran negara-negara

di rantau ini. Banyak rancangan-rancangan telahpun dipersetujui dan akan dilaksanakan seberapa cepat yang mungkin.

Bagaimanapun, adalah mustahak kita mengukuhkan lagi tali persahabatan dan meningkatkan usaha kerjasama dalam semua lapangan supaya masyarakat negara-negara di rantau Asia Tenggara ini bertambah kuat dan tidak terpengaruh oleh kuasa-kuasa besar demi kepentingan mereka sendiri. Hubungan yang rapat antara negara satu dengan yang lain akan dapat memupuk hubungan antara sahabat yang satu dengan sahabat yang lain pula.

Bulan lalu saya telah membuat lawatan rasmi ke negara-negara jiran kita yang karib iaitu Thailand dan Indonesia. Lawatan ini telah memberi saya kesempatan bertukar-tukar pendapat dengan pemimpin-pemimpin negara-negara itu mengenai approach masing-masing menghadapi pergolakan politik masa depan di rantau ini khasnya dan dunia amnya. Di Bangkok saya mendapat sambutan yang baik dan ikhlas dari pemimpin-pemimpin Thai. Dalam perundingan-perundingan yang berlangsung, mereka telah menunjukkan pengertian terhadap sikap serta langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia terhadap masalah-masalah dunia khasnya yang bersangkutan dengan rantau Asia Tenggara ini. Mereka juga telah berikrar hendak bekerjasama dengan Malaysia untuk kepentingan bersama terutama menghadapi musuh di sempadan antara kedua negara. Thailand telah sentiasa menunjukkan keikhlasannya dalam persahabatan dengan Malaysia.

Di Jakarta, saya berserta rombongan diberi sambutan yang meriah dengan penuh kemesraan. Saya benar-benar dapat merasakan adanya hubungan saliturahim yang erat antara rakyat dan pemimpin Indonesia dengan rakyat kita yang mempunyai satu asal dan hubungan sejarah yang berkurun-kurun lamanya. Dalam perundingan saya dengan President Suharto serta pemimpin-pemimpin Indonesia yang lain, mereka telah menunjukkan semangat persaudaraan dan muhibbah yang mendalam di samping menyatakan hasrat bekerjasama dengan Malaysia di dalam semua bidang—ekonomi, perdagangan, kebudayaan dan dalam usaha kita untuk mengekalkan keamanan dan ketenteraman di Tenggara Asia.

Minggu lepas, saya telah menghadiri Persidangan Ketua-ketua Negara Commonwealth di Singapura dan sebelum itu Perdana

Menteri British, Tuan Edward Heath, telah singgah di Ibu Kota bertukar-tukar fikiran berkenaan dengan pergolakan politik dan militer di seluruh dunia dan juga perkembangan-perkembangan masa depan yang mungkin melibatkan kedudukan Malaysia andai kata Britain diterima menjadi anggota Pasaran Bersama Eropah (E.E.C.). Pada keseluruhannya, perundingan itu adalah memuaskan. Adalah diharap perundingan peringkat Menteri yang akan berlangsung di London dalam bulan April 1971 ini akan mencapai persetujuan-persetujuan muktamad berkenaan dengan Peraturan Pertahanan Bersama Lima Negara bagi menjaga keselamatan dan ketenteraman di kedua-dua negara Malaysia/Singapura.

Malaysia akan terus meluaskan perhubungannya dengan negara-negara blok berkecuali atau non-aligned nations dan juga dengan negara-negara di Eropah Timur. Ini adalah sesuai dengan dasar meluaskan horizon of friendship iaitu mendapatkan seberapa ramai sahabat dan rakan di bidang politik serta perdagangan. Kita akan mengadakan perwakilan diplomatik di Yugoslavia dan di Rumania dan negara-negara lain di Eropah Timur. Kita akan memperkuatkan lagi hubungan Malaysia dengan negara-negara yang maju seperti Jepun, Jerman, Amerika Syarikat, Soviet Union, Sweden dan lain-lain supaya dapat menafaat dari tamadun teknologi mereka itu. Kita akan berusaha merapatkan hubungan dengan negara-negara yang menjadi anggota E.E.C. untuk kepentingan pemasaran hasil-hasil pengeluaran kita terutama pengeluaran di bidang pertanian.

Oleh kerana dasar dan objektif utama kita ialah mengekalkan keamanan di Tenggara Asia, khasnya, maka Malaysia telahpun mengumumkan Dasar Perkecualian Tenggara Asia—atau neutralisation of Southeast Asia dalam mana kuasa-kuasa besar—Amerika Syarikat, Russia dan China Kominis akan menjamin perkecualian rantau dan mana-mana pihak pun tidak akan campur tangan dalam pergolakan politik negara-negara di rantau ini. Saya percaya jika Asia Tenggara ini menjadi kawasan berkecuali maka kita akan terjamin dari sebarang ancaman atau bencana peperangan. Inilah hanya satu alternative yang ada kepada negara-negara kecil di rantau ini untuk mengelakkan Asia Tenggara daripada menjadi kancah pertikaian politik oleh kuasa-kuasa besar, sementara kita bebas menjalankan sebarang dasar untuk kebaikan

dan kepentingan kita sendiri. Berjaya atau tidak usaha kita di segi ini bergantung pada sikap China Kominis terhadap negara-negara rantau ini.

Seperti kita maklum, China adalah sebuah kuasa yang besar yang sedang melengkapkan diri sebagai kuasa nuklear. Oleh itu tidaklah logik sama sekali dunia am memencilkan ataupun membelakangkannya mengingat bahawa China Kominis mempunyai penduduk seramai 700 juta manusia dan luasnya meliputi sebahagian besar muka bumi Asia ini. Dasar luar China sudah makin meluas ke seluruh dunia dan telahpun mendapat sahabat-sahabat baru seperti Canada, Italy dan Ethiopia. Keputusan kita menyokong China supaya mengambil tempatnya yang wajar sebagai anggota Bangsa-bangsa Bersatu adalah berdasarkan kepada kenyataan politik ini dan bagi kepentingan dan keselamatan Malaysia jua. Saya berharap China akan mengubah sikapnya dan negara-negara di sini hendaklah sama-sama berusaha pula mendorong China supaya mengubah sikap-sikapnya.

Dalam bidang pertahanan, Malaysia akan terus membesarkan Angkatan Bersenjata dan melengkapkannya dengan senjata-senjata moden menurut kemampuan kita kerana kita percaya bahawa pada akhirnya pertahanan adalah kewajipan dan tanggungjawab kita sendiri. Namun begitu, kita akan terus bekerjasama dalam bidang pertahanan dengan negara-negara sahabat menurut peraturan-peraturan yang ditentukan kelak untuk kepentingan bersama.

Dengan adanya Peraturan Pertahanan Lima Negara itu kelak, bermaknalah Perjanjian Pertahanan Britain/Malaysia atau A.M.D.A. yang sekarang ini akan mansuh. Peraturan yang baru itu hanya merupakan satu Peraturan perundingan atau consultative arrangement antara kelima negara untuk mengambil apa-apa juga langkah yang dipersetujui bagi keselamatan Malaysia dan Singapura. Britain tidak lagi akan memainkan peranan utama bahkan hanya menjadi salah satu negara dalam perikatan Lima Kuasa. Malaysia dan Singapura sebaliknya merupakan negara-negara utama atau dominant partners dalam perikatan baru itu.

Saya sukacita menyatakan bahawa pada masa ini Angkatan Bersenjata kita mempunyai morale yang tinggi dan akan terus meninggalkan kebolehan mereka dalam semua lapangan. Jika Tuhan mengizinkan, tahun hadapan kita akan mengambil alih Sekolah

Latihan Perang Hutan di Kota Tinggi yang selama ini dikendalikan oleh tentera British. Sekolah ini akan dikendalikan oleh angkatan tentera Malaysia sendiri. Tidaklah lupa saya mengucapkan terima kasih kepada negara-negara sahabat yang telah membantu kita membangun angkatan bersenjata seperti yang ada hari ini di darat, laut dan udara.

BANJIR

Saudara-saudara: Satu lagi perkara yang patut saya katakan ialah berkenaan banjir yang telah melanda sebahagian besar negara kita baru-baru ini. Peristiwa ini sungguh menyedihkan memandang pada penderitaan dan kesengsaraan yang menimpa rakyat kita di samping kehilangan jiwa. Kerugian yang ditanggung oleh negara amatlah besar dan hanya dapat ditentukan dalam masa lima enam bulan yang akan datang ini. Memang tidak siapa menafikan banjir adalah bencana alam yang tidak dapat dielakkan. Setiap tahun beberapa bahagian Malaysia Barat dan Timor pasti mengalami musim banjir dan sudah sewajarnya pula Kerajaan serta rakyat dalam kawasan-kawasan yang terlibat dan yang diam di tebing-tebing sungai mempunyai persediaan yang cukup bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Tuhan sungguh pun bencana banjir yang dialami itu ialah yang terbesar yang pernah menimpa negara kita dalam masa empat puluh tahun yang lalu, akan tetapi dengan sebab kecergasan pegawai-pegawai kita, anggota anggota tentera dan polis dan dengan rakyat jelata sendiri sentiasa bersiap sedia, kita telah dapat menyelamatkan jiwa dan harta benda. Sungguh pun lima puluh enam orang telah kehilangan jiwa dalam masa banjir itu akan tetapi kebanyakan daripada mereka itu adalah disebabkan oleh kelalaian sendiri.

Saya sendiri berasa sangat puashati dengan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan-kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri, tentera dan polis bagi menyelamatkan mangsa-mangsa banjir dan memberi kepada mereka pertolongan dan bantuan di tempat-tempat yang berkehendakkan bantuan-bantuan di Negeri Trengganu, Johor, Melaka, N. Sembilan, di Ibu Kota kita di Kuala Lumpur dan di Pahang. Penduduk-penduduk yang mengalami banjir terutama di negeri saya sendiri di Pahang terpaksa berada dalam keadaan kecemasan berminggu-minggu dan

pertolongan makanan terpaksa diberi. Bantuan-bantuan yang lain seperti pakaian, kain selimut, ubat-ubatan juga terpaksa dihantar. Di kawasan pilihanraya saya sendiri di Pekan, tempat yang menanggung banjir yang teruk sekali, boleh dikatakan tiap-tiap kampung telah mendapat bantuan dengan mcmuaskan hati. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada badan-badan sukarela yang telah bersama-sama memberi pertolongan dan bantuan dengan tidak menghirau penat lelah bekerja siang dan malam.

Apa yang sudah berlaku tidak perlu saya ceritakan dengan panjang lebar kerana kita semua mengetahuinya. Kita harus memikirkan langkah-langkah tegas mengenai persediaan pada masa hadapan supaya dapat kita mengurangkan kesusahan dan penderitaan rakyat. Dalam hal ini saya sekali lagi mengulangi peri mustahaknya kita menanamkan semangat berdikari atau self-reliance. Adalah satu kewajipan bagi setiap rakyat yang diam di kampung-kampung sepanjang sungai berbuat apa jua untuk kepentingan dan keselamatan diri serta rumah tangga masing-masing iaitu menyimpan bekalan makanan dan lain-lain keperluan menjelang musim tengkujuh. Ini adalah amalan nenek moyang kita dahulu kerana pada masa itu mereka tidak mengharapkan Kerajaan atau sesiapa membantu mereka. Orang-orang yang diam di tebing-tebing sungai hendaklah memiliki perahu untuk membawa mereka ke tempat-tempat yang lebih selamat manakala air naik. Dalam masa kecemasan sudah tentu perahu dan rakit dapat menyelamatkan kita.

Sepertimana yang saudara-saudara maklum, Kerajaan sedang membuat segala upaya, menurut kemampuan kita, untuk memulihkan kehidupan mangsa-mangsa banjir. Setengah-setengah daripada mereka tentunya mengalami kesengsaraan yang lebih berat dari setengah-setengah yang lain. Rencana pemulihan ini akan memakan masa yang lama, terutama bagi rakyat di kampung-kampung yang lama ditenggelami air, merosakkan pohon-pohon, tanaman dan tanah sawah dan memusnahkan harta benda. Langkah-langkah bantuan yang sedang dan akan dijalankan ialah tiga peringkat—bantuan jangka pendek iaitu berupa alat perkakas rumah bagi tempat kediaman, pakaian, buku-buku sekolah dan wang saraan supaya keluarga-keluarga yang malang itu berasa lega dan anak-anak mereka dapat menyambung persekolahan seberapa segera yang boleh. Bantuan jangka menengah berupa biji benih tanaman dan binatang ternakan juga bantuan modal bagi

peniaga-peniaga kecil. Ini akan dapat memulihkan kehidupan kaum tani khususnya serta memberi mereka tapak hidup yang baru untuk masa hadapan.

Saya telah memberi arahan bahawa bantuan-bantuan dan usaha-usaha pemulihan dijalankan dengan seberapa segera. Kerajaan-kerajaan negeri mestilah memberi kerjasama yang penuh kepada Kerajaan Pusat. Untuk melaksanakan rancangan-rancangan kita menguatkan lagi tenaga-tenaga Kerajaan Negeri, saya telah menugaskan Menteri-menteri kabinet untuk menolong Menteri-menteri Besar dan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melaksanakan bantuan yang telah kita berikan.

Langkah ketiga adalah untuk jangka panjang dan memerlukan perancangan yang lebih teliti. Sepertimana kita tahu, negara kita ini mempunyai beberapa batang sungai yang besar, yang mempunyai potential tenaga letrik. Potential ini haruslah kita gunakan untuk kebajikan hidup rakyat dan tidaklah sebaliknya kita biarkan sungai-sungai ini membawa bencana dan sangsara semata-mata. Kita hendaklah mencari jalan dan ikhtiar supaya tenaga air sungai yang besar itu digunakan untuk kemajuan dan kebahagiaan hidup manusia bukan untuk memusnahkan harta benda dan jiwa.

Ilmu pengetahuan sains dan teknologi zaman ini boleh mengekang dan seterusnya digunakan tenaga air untuk kebaikan manusia kita. Air sungai Pahang itu boleh diampang dan disalurkan untuk mengeluarkan tenaga letrik bagi kawasan-kawasan baru Jengka dan juga Pahang Tenggara. Kita akan mendapatkan nasihat pakar dan bantuan dari ajensi-ajensi Bangsa-bangsa Bersatu, Bank Dunia dan lain-lain untuk menyiasat kemungkinan-kemungkinan ini serta menjadikan kenyataan.

Di jurusan yang lain pula, kita berharap dapat melaksanakan rancangan-rancangan pengawalan banjir dalam apa cara juga. Samada dengan mengadakan tasik-tasik kecil dan empangan air di bahagian ulu sungai ataupun usaha-usaha yang lain yang membolehkan air mengalir ke laut dengan segera. Semuanya ini saya harap akan dilaksanakan asal sahaja ada kemungkinan rancangan-rancangan itu boleh berjalan dengan membawa hasil-hasil yang kita kehendaki.

Saudara-saudara: Saya telah terangkan dengan ringkas dasar dan garis-garis panduan bagi Kerajaan kita untuk dua tiga tahun

yang akan datang. Begitu juga saya telah terangkan kedudukan Parti kita dan betapa mustahaknya kita mengambil sikap dan mengadakan wajah atau image yang baru untuk disesuaikan dengan keadaan dan kehendak-kehendak masa. Saya juga terangkan betapa mustahaknya jentera Parti yang mendukung Kerajaan berjalan seimbang dengan jentera Kerajaan. Kekuatan Kerajaan bergantung kepada kekuatan Parti. Oleh itu saya berseru sekali lagi kepada saudara-saudara semua supaya menumpukan sepenuh taat setia kepada Parti kita dan bersungguh-sungguh bekerja menguatkan Parti dan melicinkan jenteranya.

Dasar dan garis-garis panduan yang saya sebutkan itu, baik bagi Kerajaan mahu pun Parti, ialah untuk masa dua tiga tahun ini. Dasar dan garis-garis panduan ini akan ditimbang dari satu masa ke satu masa dan akan dipinda dan diubah apabila difikirkan mustahak. Saya berkehendakkan saudara-saudara, tiap-tiap orang ahli UMNO, supaya bersama-sama bukan saja membincangkan dasar-dasar dan garis-garis panduan itu bahkan bersama-sama melaksanakan dasar-dasar dan garis-garis itu supaya kita dapat mencapai matlamat yang kita kehendaki.

Saudara-saudara: Kita menghadapi masa hadapan yang penuh dengan cabaran dan dugaan. Kita berkehendakkan bukan saja sikap dan pemikiran yang baru, image yang baru, bahkan kerjasama dan taat setia yang penuh daripada tiap-tiap orang ahli UMNO kepada Parti, dan kepada bangsa dan negara. Oleh itu dengan adanya Perhimpunan Agung hari ini dan dengan saudara-saudara sekalian bersetuju memilih pemimpin-pemimpin yang jujur dan ikhlas yang saudara menaruh kepercayaan yang penuh, saya harap kita semua akan membaharui azam untuk memperkuat parti, menyesuaikan kedudukan dan perjalanan Parti dengan masa dan kehendak zaman dan menumpukan semua tenaga, tua dan muda, untuk kepentingan masa depan negara kita. Dengan azam yang kuat dan dengan hati yang tabah dan penuh dedikasi, saya yakin, dengan izin Tuhan, kita akan dapat menghadapi masa depan dengan penuh keyakinan yang kita akan dapat bersama-sama membentuk sebuah negara yang benar-benar bersatu padu, yang aman dan makmur, seperti yang kita semua kehendaki.

Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada saudara-saudara kerana sungguhpun keadaan negara masih belum pulih daripada bencana banjir, saudara-saudara semua dapat hadir

dalam Perhimpunan Agung yang penting ini. Saya berdoa ke hadirat Tuhan mudah-mudahan Allah peliharakan kita semua dan Allah tunjukkan kita semua kepada jalan yang jujur dan ikhlas untuk kita sama-sama berkhidmat kepada bangsa dan negara.

Sekianlah saja, saya sudahi dengan seruan BERJAYA dan MERDEKA.